

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah

Baca sajak “Banjir di Mata Emak” (halaman 53) dalam *Antologi Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

... setelah tiga hari sebahagian daripada rumahnya *direndam kesejukan*.

11 Rangkai kata *direndam kesejukan* bermaksud

- A disirami air
- B digenangi air
- C dibasahi hujan
- D ditenggelami banjir

Jiran-jiran semua sudah berpindah ke pusat pemindahan. Cuma dia seorang sahaja yang tidak pergi. Kenapa begitu?

- 12 Sebagai jiran, kita sepatutnya saling membantu apabila ditimpa musibah. Kata-kata hikmat yang merujuk semangat kejiranan yang sepatutnya diamalkan ialah
- A kata mesti dikota
 - B biar lambat asalkan selamat
 - C bahasa menunjukkan bangsa
 - D jiran sepakat membawa berkat

“... tak boleh masuk kampung. Mak tak ada makanan. Banjir dah ...”

13 Aspek gaya bahasa yang digunakan dalam baris cerpen di atas ialah

- | | |
|-----------|------------|
| A simile | C sinkope |
| B inversi | D metafora |

Saya mahu sangat-sangat melakukannya! Bukan kerana ada lensa kamera yang menghala ke wajah saya.

14 Suara hati penulis tersebut menggambarkan bahawa dia seorang yang

- | | |
|----------|----------|
| A rajin | C berani |
| B ikhlas | D gigih |

15 Peristiwa yang manakah **tidak** terdapat dalam peleraian cerpen “Banjir di Mata Emak”?

- A Nana berasa sungguh terharu atas kemuliaan hati ibunya
- B Saya memimpin Nana keluar dari kawasan tanah perkuburan
- C Saya dan Nana sama-sama meraung di kawasan perkuburan
- D Nana berasa amat bersalah atas perbuatannya kepada ibunya